



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 4/2011 (23 hingga 29 Januari 2011)

Pada minggu keempat tahun 2011 iaitu bagi tempoh 23 hingga 29 Januari 2011, sejumlah 493 kes Demam Denggi dengan dua kematian telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 4 kes berbanding 489 kes pada minggu sebelumnya. Terdapat sepuluh buah negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Kedah meningkat sebanyak 11 kes (122%), N.Sembilan 8 kes (67%), P.Pinang 8 kes (20%), Kelantan 4 kes (24%), WP Kuala Lumpur/Putrajaya 4 kes (14%), Melaka 2 kes (25%), Pahang 2 kes (8%), Labuan 1 kes (100%), Perlis 1 kes (33%) dan Perak meningkat sebanyak 1 kes (3%) (Lampiran A).

Jumlah terkumpul kes sehingga 29 Januari 2011 adalah 2,099, penurunan sebanyak 49% atau 2,032 kes berbanding dengan 4,131 kes yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2010. Kes kematian akibat Denggi juga menurun sebanyak 79% atau 11 kematian, di mana terdapat 3 kematian bagi tahun 2011 berbanding 14 dalam tempoh yang sama pada tahun 2010.

Pada minggu lepas, terdapat dua (2) kematian Demam Denggi dilaporkan, iaitu dari Selangor dan Johor. Kes adalah seorang

surirumah berusia 58 tahun dan seorang lagi kanak-kanak sekolah berusia 7 tahun. Penyiasatan mendapati kedua-dua lokaliti kediaman kes adalah kawasan wabak Denggi dengan indeks pемbiakan nyamuk Aedes yang tinggi.

Sejumlah 112 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 6 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 7 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 87 kes Demam Denggi (Lampiran C). Tiga atau 50% daripada 6 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pемbiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Terdapat 4 atau 67% daripada 6 lokaliti hotspots ini yang menjalankan aktiviti gotong-royong iaitu di Kg. Baru Sg.Terentang dan Taman Tun Teja Apartment Rawang di Selangor, Kg Duyung Besar di Terengganu serta Taman Miharja (Fasa 1) di WP Kuala Lumpur.

Bagi penghuni yang bercuti sempena musim perayaan ini, sila ambil langkah-langkah pencegahan Demam Denggi. Jangan jadikan kediaman anda sebagai tempat pемbiakan Aedes sepanjang peninggalan bercuti dengan memastikan tiada bekas yang boleh menjadi tempat pемbiakan nyamuk Aedes. Pemimpin masyarakat setempat juga diminta memainkan peranan yang lebih aktif bagi menggerakkan aktiviti gotong-royong di kawasan masing-masing. Tindakan segera daripada masyarakat amat diperlukan bagi memastikan kejadian penyakit dapat dikawal dan dicegah daripada terus berlaku. Para pengamal perubatan diminta memberi perhatian serius terhadap kes yang disyaki Denggi dan merujuk kes segera ke hospital sekiranya diperlukan. Rawatan awal boleh mengelakkan komplikasi Demam Denggi dan menyelamatkan nyawa pesakit.

Bagi Penyakit Chikungunya, tiada kes dilaporkan untuk tempoh 23 hingga 29 Januari 2011. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 2 kes, penurunan sebanyak 99% atau 285 kes berbanding dengan 287 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

31 Januari 2011

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 4/2011
(23 hingga 29 Januari 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 4/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 4/2010
		Minggu 4 (23 – 29 Januari 2011)	Minggu 3 (16 – 22 Januari 2011)		
1	Perlis	4	3	16	9
2	Kedah	20	9	55	34 (1)
3	P. Pinang	48	40	176	112
4	Perak	41	40	142	103
5	Selangor	167 (1)	173	723 (1)	1,895 (8)
6	WPKL & Putrajaya	32	28	132	326 (1)
7	N. Sembilan	20	12	47	144
8	Melaka	10	8	58	45 (1)
9	Johor	44 (1)	49	204 (1)	245
10	Pahang	28	26	122	89 (1)
11	Terengganu	18	35	114 (1)	69
12	Kelantan	21	17	89	69
13	Sarawak	24	31	151	778 (2)
14	Sabah	15	18	67	208
15	WP Labuan	1	0	3	5
	MALAYSIA	493 (2)	489	2,099 (3)	4,131 (14)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 4/2011
(23 hingga 29 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 4/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 4/2010
		Minggu 4 (23 – 29 Januari 2011)	Minggu 3 (16 – 22 Januari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	8
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	2
13	Sarawak	0	0	0	272
14	Sabah	0	0	2	3
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	0	0	2	287

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 4
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	26	59
2	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	16	47
3	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	13	53
4	WPKL	Cheras	Miharja Kondominium Fasa 3A	8	45
5	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	7	30
6	TERENGGANU	K.Terengganu	Kg Duyung Besar	17	36

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 4
BAGI TAHUN 2011
(23 hingga 29 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Cheras	Miharja Kondominium Fasa 3A	6.0	6
2	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	3.0	3
3	JOHOR	MPPG	Flat Taman Cendana	1.3	1